

KHUTBAH JUMAAT

“TAKWA: JALAN KELUAR KESEMPITAN, KUNCI KEBAHAGIAAN ABADI”

(3 April 2026M/ 14 Syawal 1447H)

الْحَمْدُ لِلَّهِ، الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَمَرَنَا بِالتَّقْوَى، وَجَعَلَهَا سَبَبًا لِكُلِّ خَيْرٍ فِي
الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ
سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلِّمْ تَسْلِيمًا كَثِيرًا.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ، وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ
مُسْلِمُونَ.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kepada Allah *subhanahu wata'ala* dengan menunaikan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya dan inilah intipati takwa. Mudah-mudahan kita peroleh kejayaan dan kebahagiaan di dunia, lebih-lebih lagi di akhirat yang kehidupannya tiada pengakhirannya.

Berikan tumpuan yang sepenuhnya kepada khutbah yang disampaikan, hindari perkara-perkara *lagha*, berbual-bual dan berinteraksi dengan telefon bimbit di tangan. Mudah-mudahan kita meraih kesempurnaan ganjaran solat Jumaat yang dijanjikan. Marilah kita bersama-sama menghayati dan mengambil iktibar khutbah yang disampaikan ini bertajuk: “**Takwa: Jalan Keluar Kesempitan, Kunci Kebahagiaan Abadi.**”

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Setiap minggu, kita akan diingatkan oleh khatib agar bertakwa kepada Allah *subhanahu wata'ala*. Begitu juga dengan ibadah puasa yang telah kita laksanakan dalam bulan Ramadan yang lalu, antara manfaat terbesar daripadanya ialah memperolehi takwa. Firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam surah al-Baqarah, ayat 183:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا كُتِبَ عَلَيْكُمُ الصِّيَامُ كَمَا كُتِبَ عَلَى الَّذِينَ مِن قَبْلِكُمْ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ (١٨٣)

Maksudnya: *Wahai orang yang beriman! Kamu diwajibkan berpuasa sebagaimana diwajibkan atas orang yang dahulu daripada kamu, supaya kamu bertaqwa.*

Apakah yang dimaksudkan dengan takwa? Profesor Doktor Ali Jum'ah *hafizohullah* dalam kitabnya *al-Futuhah al-'Aliyyah fi syarh al-Arba'in an-Nawawiyyah* menjelaskan bahawa takwa bermaksud seseorang itu menumpukan perhatian kepada hatinya semata-mata dan berhati-hati untuk menghindari perlakuan maksiat serta sentiasa bersedia untuk segera mentaati Allah *subhanahu wata'ala*.

Allah *subhanahu wata'ala* telah memerintahkan kita agar bertakwa kepada-Nya dengan sebenar-benar takwa. Takwa adalah wasiat Allah *subhanahu wata'ala* kepada seluruh manusia sejak dahulu hingga kini. Firman-Nya dalam Surah An-Nisa, ayat 131:

... وَلَقَدْ وَصَّيْنَا الَّذِينَ ءُوتُوا الْكِتَابَ مِن قَبْلِكُمْ وَإِيَّاكُمْ أَنِ اتَّقُوا اللَّهَ ...

Maksudnya: ... dan demi sesungguhnya, Kami telah perintahkan orang yang diberi Kitab dahulu daripada kamu, dan juga (perintahkan) kamu, iaitu hendaklah bertaqwa kepada Allah; ...

Namun, marilah kita bertanya kepada diri kita, di manakah takwa kita pada hari ini? Adakah takwa itu hidup dalam setiap detik kehidupan kita, atau hanya hadir ketika kita berada di hadapan manusia?

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Sesungguhnya, orang yang bertakwa sentiasa merasakan bahawa Allah *subhanahu wata'ala* melihatnya dalam setiap keadaan. Dia menjaga dirinya walaupun ketika bersendirian, kerana dia yakin bahawa Allah *subhanahu wata'ala* sentiasa bersamanya. Firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah al-Baqarah, ayat 194:

... وَاتَّقُوا اللَّهَ وَأَعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ مَعَ الْمُتَّقِينَ

Maksudnya: ... dan bertaqwalah kamu kepada Allah serta ketahuilah: Sesungguhnya Allah beserta orang yang bertaqwa.

Bayangkanlah, jika Allah *subhanahu wata'ala* bersama kita, siapakah lagi yang kita perlukan? Tetapi jika Allah *subhanahu wata'ala* tidak bersama kita, siapakah lagi yang mampu menyelamatkan kita? Takwa melahirkan hati yang hidup. Hati yang takut untuk melakukan dosa dan berharap kepada keampunan Allah.

Antara kelebihan takwa ialah Allah *subhanahu wata'ala* akan memberikan petunjuk dan kemampuan membezakan antara yang

benar dan yang salah. Firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah Al-Anfal, ayat 29:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِن تَتَّقُوا اللَّهَ يَجْعَل لَّكُمْ فُرْقَانًا وَيُكَفِّرْ عَنْكُمْ سَيِّئَاتِكُمْ وَيَغْفِرْ لَكُمْ ۗ وَاللَّهُ ذُو الْفَضْلِ الْعَظِيمِ (٢٩)

Maksudnya: *Wahai orang yang beriman! Jika kamu bertaqwa kepada Allah, nescaya Ia mengadakan bagi kamu (petunjuk) yang membezakan antara yang benar dengan yang salah, dan menghapuskan kesalahan-kesalahan kamu, serta mengampunkan (dosa-dosa) kamu. Dan Allah (sememangnya) mempunyai limpah kurnia yang besar.*

Di saat manusia lain keliru, orang yang bertakwa mendapat cahaya daripada Allah *subhanahu wata'ala*. Di saat manusia lain buntu, orang yang bertakwa diberikan jalan keluar. Firman Allah *subhanahu wata'ala* Surah At-Talaq, 2 dan 3:

... وَمَنْ يَتَّقِ اللَّهَ يَجْعَلْ لَهُ مَخْرَجًا (٢) وَيَرْزُقْهُ مِنْ حَيْثُ لَا يَحْتَسِبُ ۗ ...

Maksudnya ... *dan sesiapa yang bertaqwa kepada Allah (dengan mengerjakan suruhan-Nya dan meninggalkan larangan-Nya), nescaya Allah akan mengadakan baginya jalan keluar (dari segala perkara yang menyusahkannya). Serta memberinya rezeki dari jalan yang tidak terlintas di hatinya ...*

Namun demikian, jika hidup kita masih terasa sempit, maka renungilah kembali. Sejauh manakah takwa kita kepada Allah?

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Sesungguhnya, takwa juga menjadi sebab diampunkan dosa dan dikurniakan ganjaran yang besar. Firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah at-Talaq, ayat 5:

... وَمَنْ يَتَّقِ اللَّهَ يَكْفِرْ عَنْهُ سَيِّئَاتِهِ وَيُعْظِمْ لَهُ أَجْرًا (٥)

Maksudnya: ... dan (ingatlah), sesiapa yang bertakwa kepada Allah, nescaya Allah menghapuskan kesalahan-kesalahannya, dan akan membesarkan pahala balasannya.

Lihatlah betapa luasnya rahmat Allah. Dosa diampunkan, pahala dilipatgandakan, dan hidup dipermudahkan. Namun semua ini hanya diperoleh oleh mereka yang benar-benar bertakwa.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Akhirnya, marilah kita bermuhasabah. Apakah bekalan kita untuk bertemu Allah *subhanahu wata'ala*? Adakah kita membawa harta dan pangkat? Tidak. Yang kita bawa hanyalah takwa. Firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah Al-Hujurat, ayat 13:

... إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَتَقْوَاهُ ...

Maksudnya: ... Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih taqwanya di antara kamu, (bukan yang lebih keturunan atau bangsanya) ...

Maka janganlah kita menanggungkan untuk menjadi orang yang bertakwa. Mulakanlah dari sekarang, perbaiki solat kita, jaga akhlak kita, dan bersihkan hati kita.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Akhirnya, marilah kita bersama-sama menghayati dan mengambil pengajaran daripada khutbah yang disampaikan:

Pertama: Takwa adalah kunci segala kebaikan di dunia dan akhirat.

Kedua: Takwa menjadi benteng daripada segala keburukan.

Ketiga: Orang yang bertakwa akan mendapat perlindungan, rezeki dan syurga daripada Allah *subhanahu wata'ala*.

Marilah kita bersama-sama menghayati firman Allah *subhanahu wata'ala* di dalam surah al-Qamar, ayat 54 dan 55:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ. بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ.

إِنَّ الْمُتَّقِينَ فِي جَنَّاتٍ وَنَهْرٍ (٥٤) فِي مَقْعَدٍ صِدْقٍ عِنْدَ مَلِيكٍ مُّقْتَدِرٍ (٥٥)

Maksudnya: Sesungguhnya orang yang bertakwa, di tempatkan dalam taman-taman Syurga (yang indah) dan (dekat) beberapa sungai. Di tempat yang sungguh bahagia, di sisi Tuhan Yang Menguasai segala-galanya, lagi Yang Berkuasa melakukan sekehendak-Nya.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ
قَوْلِي هَذَا، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ
وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

KHUTBAH JUMAAT KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ. الْحَمْدُ لِلَّهِ حَمْدًا كَثِيرًا كَمَا أَمَرَ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ
وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ
وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ،
فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Teruslah istiqamah menghidupkan masjid dan surau dengan solat fardu berjemaah dan majlis-majlis ilmu. Bimbinglah ahli keluarga kita agar tetap menjaga solat lima waktu.

Perkukuhkanlah perpaduan dengan sikap saling menghormati, ziarah-menziarahi dan bekerjasama sesama masyarakat. Pastikan rezeki yang kita perolehi adalah halal lagi baik, agar hidup kita mendapat berkat. Daripada Abu Hurairah *radiallahu anhu* bahawa Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* telah bersabda:

((أَيُّهَا النَّاسُ إِنَّ اللَّهَ طَيِّبٌ لَا يَقْبَلُ إِلَّا طَيِّبًا ...))

Maksudnya: *Wahai manusia! Sesungguhnya Allah itu Maha Baik, dan Dia tidak menerima melainkan yang baik ...*

(Hadis riwayat Imam Muslim)

Hindarkanlah diri dan keluarga kita daripada segala perkara yang boleh memudaratkan seperti penyalahgunaan dadah, bahan inhalan dan ketum, perjudian serta segala bentuk maksiat. Semua ini hanya

membawa kepada kehancuran hidup dan meruntuhkan masa depan kita dan umat.

Pada hari yang mulia ini juga, perbanyakkanlah selawat ke atas Nabi Muhammad *sallallahu alaihi wasallam* seperti yang diperintahkan oleh Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah al-Ahzab, ayat 56:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا.

Maksudnya: *Sesungguhnya Allah dan malaikat-Nya berselawat (memberi segala penghormatan dan kebaikan) kepada Nabi (Muhammad sallallahu alaihi wasallam); wahai orang yang beriman, berselawatlah kamu kepadanya serta ucapkanlah salam sejahtera dengan penghormatan yang sepenuhnya.*

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، فِي الْعَالَمِينَ، إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ الْمُهَدِّينَ، سَادَاتِنَا أَبِي بَكْرٍ وَعُمَرَ وَعُثْمَانَ وَعَلِيٍّ، وَعَنِ الصَّحَابَةِ وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ. إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.

Ya Allah, Ya Rahman, Ya Rahim, bantulah saudara-saudara kami yang memerlukan bantuan di mana sahaja mereka berada, khususnya di bumi Gaza dan Asia Barat. Kurniakanlah mereka perlindungan, keamanan, dan kemenangan dengan rahmat-Mu, wahai Tuhan Yang Maha Pengasih.

Ya Allah, Ya Ghaffaar, ampunilah segala dosa-dosa kami, ibu bapa kami, keluarga dan guru-guru kami. Limpahkanlah kepada kami kesejahteraan dan kebahagiaan di dunia dan di akhirat.

Ya Allah, Kurniakanlah kecemerlangan pendidikan kepada anak-anak kami dalam apa sahaja bidang yang mereka ceburi. Tambahkan ilmu dan kemahiran yang bermanfaat kepada mereka, suburkanlah peribadi mereka dengan akhlak yang mulia dan terpuji. Jadikanlah anak-anak kami pemimpin dalam kalangan orang yang bertakwa.

Ya Allah, Ya Hadi, Ya Hakim, berikanlah taufiq dan hidayat-Mu kepada kami semua dan juga kepada pemimpin-pemimpin Negara kami, khasnya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Malaysia, dan juga pemimpin-pemimpin negeri kami, khususnya Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak.

Ya Allah, Ya Hafiz, Jadikanlah kami umat yang berintegriti, bersatu-padu, dan umat yang terbilang dalam semua bidang yang kami ceburi demi mendukung negara yang maju dan makmur serta mendapat perlindungan-Mu, ya Allah. Kekalkanlah kesatuan kami dalam akidah, ibadah dan akhlak atas pegangan Ahli Sunnah Wal

Jama'ah. Limpahkanlah nikmat keselamatan, kesehatan, dan ketenangan, serta lindungilah kami daripada segala musibah, wabak dan bala yang tidak diinginkan.

رَبَّنَا أُنْتَنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. أَمِينَ،
أَمِينَ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

عِبَادَ اللَّهِ. إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ. وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ
الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ. يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ. فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ
يَذْكُرْكُمْ. وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ. وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ. وَلَذِكْرُ
اللَّهِ أَكْبَرُ. وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ. أَقِيمُوا الصَّلَاةَ.